

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/087 2007

Malaysia-Jepun sepakat PBB perlu dirombak

PUTRAJAYA 24 (gos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatnya dari Jepun, Shinzo Abe sepakat bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terutama Majlis Keselamatannya perlu segera dirombak.

Abdullah turut mengulangi sokongan Malaysia terhadap hasrat Negara Matahari Terbit itu untuk menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan PBB.

Kedua-dua pemimpin itu berkata demikian dalam pernyataan bersama sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik

Malaysia-Jepun, yang ditandatangani hari ini pada hari kedua lawatan rasmi Abe ke Malaysia.

Di bawah perkara kerjasama di arena antarabangsa, pernyataan itu menyebut, kedua-dua pemimpin bersepakat mahu Korea Utara menghentikan program nuklearnya.

"Abdullah mengesahkan sokongan kuat Malaysia terhadap pelaksanaan Pernyataan Bersama yang dikeluarkan oleh Perundingan Enam Pihak membabitkan isu nuklear itu,

"Kedua-dua pemimpin itu juga menekankan tentang kepentingan melaksanakan Resolusi 1695 dan 1718 PBB," kata pernyataan itu.

Abdullah dan Abe juga menyeru Korea Utara supaya akur kepada kebimbangan masyarakat antarabangsa berhubung soal keselamatan dan kemanusiaan, khususnya dalam isu penculikan.

Mengenai Afrika, kedua-dua pemimpin sependapat bahawa pengalaman Asia itu dikongsi untuk membangunkan bcg|ua itu

Dalam hai ini, Jepun akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Tokyo Mengenai Pembangunan Afrika Keempat (TICAD IV) pada Mei 2008 bertujuan menggembleng kepakaran dan dana antarabangsa bagi membantu meningkatkan ekonomi Afrika selain membincangkan isu keselamatan manusia dan alam sekitar serta perubahan cuaca.

Menurut pernyataan itu lagi, Abe memohon kerjasama Malaysia bagi menjayakan persidangan itu dan ini dipersetujui oleh Abdullah.